

## **UEM Edgenta Catat Pemulihan Suku Kedua, Kekal Dengan Buku Pesanan yang Sihat**

**KUALA LUMPUR, 28 Ogos** – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), sebuah syarikat terkemuka dalam Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini, mengumumkan keputusan kewangan tidak diaudit bagi separuh pertama tahun kewangan 2025 berakhir 30 Jun 2025 (1H FY2025), dengan mencatatkan semula keuntungan suku tahunan selepas permulaan tahun yang mencabar. UEM Edgenta mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM11.2 juta bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2025 (Q2 FY2025), menunjukkan pemulihan kukuh berbanding kerugian bersih RM17.7 juta pada Q1 FY2025. Pemulihan ini dipacu oleh hasil yang lebih tinggi sebanyak RM730.3 juta, meningkat RM84.2 juta berbanding suku sebelumnya, mencerminkan pelaksanaan kerja-kerja tertangguh dan sumbangan daripada kontrak baharu yang diperoleh merentasi segmen utama.

Dalam Q2 FY2025, segmen Pengurusan Aset mencatatkan keuntungan bersih RM10.1 juta, meningkat daripada RM5.2 juta pada suku sebelumnya, disokong oleh hasil yang lebih tinggi sebanyak RM485.8 juta berbanding RM464.8 juta pada Q1. Pertumbuhan ini dipacu oleh kontrak sedia ada dan baharu di pasaran domestik dan antarabangsa. Sementara itu, hasil Penyelesaian Infrastruktur meningkat ketara kepada RM246.2 juta daripada RM180.9 juta pada Q1 berikutan pertambahan kerja-kerja penyelenggaraan dan aktiviti projek yang tertangguh. Segmen ini berjaya menunjukkan pemulihan yang ketara, mencatatkan keuntungan bersih RM13.0 juta berbanding kerugian bersih RM6.4 juta pada Q1.

Bagi 1H FY2025, Syarikat melaporkan hasil sebanyak RM1.38 bilion, penurunan 4.2% tahun ke tahun daripada RM1.44 bilion, disebabkan kesan limpahan penangguhan kerja pada Q1. Syarikat mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM6.5 juta bagi 1H FY2025, berbanding keuntungan bersih RM23.0 juta dalam tempoh sama tahun lalu. Walaupun prestasi separuh pertama yang lebih perlahan, UEM Edgenta kekal fokus membina momentum bagi separuh kedua FY2025. Syarikat komited memperkuuh perniagaan teras dan mencapai keuntungan mampan, disokong oleh buku pesanan yang sihat, pelaksanaan kontrak strategik, mengoptimumkan kos secara berdisiplin dan kecekapan operasi yang dipertingkatkan.

Meneruskan usaha FY2025, Syarikat akan terus mengoptimumkan aktiviti operasi di seluruh projek di bawah buku pesanan yang sihat untuk melindungi margin dan meningkatkan kecekapan, sambil mempercepatkan pengkomersialan penawaran perkhidmatan dan produk bersepada. Kejayaan terbaru meraih kontrak perkhidmatan sokongan hospital bernilai RM735.2 juta di Singapura dan pembaharuan kontrak utama di Taiwan serta Emiriah Arab Bersatu (UAE) mengukuhkan keupayaan Syarikat dalam memperluas penyelesaian pengurusan aset berkualiti tinggi di pasaran antarabangsa.

Di Malaysia, penganugerahan kontrak Pengurusan Fasiliti Bersepadu (Integrated Facilities Management (IFM)) dalam sektor mineral turut menyerlahkan kepelbagaiannya sistem Asseto dalam menyediakan keupayaan canggih seperti CMMS, BMS dan Energy AI. Selain itu, pelantikan anak syarikat UEM Edgenta, OPUS, bagi perkhidmatan Pengurusan Penyelenggaraan Rangkaian (NMM) yang meliputi kerja bukan turapan seperti cerun, jambatan, saliran dan terowong di beberapa lebuh raya serta projek infrastruktur untuk tempoh tiga (3) tahun akan datang adalah bukti kukuh keyakinan pasaran terhadap kepakaran khusus dan rekod pencapaian kami.

“Keupayaan kami mengekalkan buku pesanan yang sihat pada separuh pertama 2025 mencerminkan daya tahan model perniagaan UEM Edgenta dan dedikasi warga kerja kami. Kami kekal fokus memperkuuh operasi teras, mengoptimumkan kos, dan menyampaikan nilai mampan kepada para pemegang taruh. Kejayaan terbaru daripada perkhidmatan sokongan hospital di Singapura sehinggalah kontrak infrastruktur dan pengurusan fasiliti utama di UAE dan Malaysia mengesahkan kemampuan kami menyediakan penyelesaian berkualiti tinggi dan inovatif merentas pasaran. Dengan pelaksanaan yang berdisiplin dan keyakinan berterusan daripada pelanggan, kami yakin dapat mengharungi baki tahun ini dan memposisikan syarikat untuk pertumbuhan jangka panjang,” kata Shaiful Subhan, Pengerusi, Jawatankuasa Pengurusan Edgenta.

UEM Edgenta turut berbesar hati untuk berkongsi bahawa pada Jun 2025, Syarikat telah disenaraikan secara rasmi sebagai konstituen Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM). Indeks F4GBM mengukur prestasi syarikat tersenarai awam dalam Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS berdasarkan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), berdasarkan piawaian yang diiktiraf di peringkat global. Penyertaan ini menandakan amalan ESG kami yang kukuh dan komitmen berterusan untuk menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab di Malaysia dan pasaran operasi kami. Pengiktirafan ini seterusnya membuktikan keupayaan kami mencipta nilai jangka panjang untuk para pemegang saham.

Sebagai sebahagian daripada keutamaan strategik, UEM Edgenta turut memajukan pengembangan perniagaan antarabangsa dengan memperkuuh kehadirannya di pasaran termasuk Singapura, Taiwan, UAE dan Kerajaan Arab Saudi. Pasaran ini menawarkan peluang pertumbuhan yang signifikan sejajar dengan keupayaan dan visi jangka panjang UEM Edgenta. Dengan buku pesanan yang sihat serta pelaksanaan strategik yang berdisiplin, UEM Edgenta kekal berada pada kedudukan yang baik untuk mengharungi cabaran pasaran, merebut peluang baharu dan menyampaikan nilai mampan pada separuh kedua 2025 dan seterusnya.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta dan perniagaannya, sila layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

**Mengenai UEM Edgenta**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berbandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihian dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.